

Anda perlu mempertimbang untuk memohon anugerah *Eco Schools* sekiranya sekolah anda sedang mengimplementasikan Metodologi Tujuh Langkah dalam proses program *Eco Schools* dengan jayanya.

Anugerah

Terdapat anugerah untuk tiga tahap (dalam urutan menaik): sijil gangsa, sijil perak dan anugerah yang paling berprestij iaitu anugerah Bendera Hijau. Setiap anugerah ditentukan oleh satu set kriteria (lihat di bawah) yang boleh membantu anda menilai sama ada sekolah anda telah mencapai standard yang diperlukan. Sekiranya anda rasa sekolah anda telah mencapai kriteria yang ditetapkan bagi mana-mana tahap anugerah, mohonlah untuk anugerah itu.

Anda tidak perlu memohon anugerah gangsa dan perak terlebih dahulu dalam usaha anda untuk mencapai Bendera Hijau. Mohonlah terus untuk anugerah tahap Bendera Hijau sekiranya anda berpendapat sekolah anda telah mencapai standard tersebut. Sekiranya anda memohon untuk Bendera Hijau, ini tidak bermakna para penilai akan menjangkakan kesempurnaan dalam persekitaran sekolah. Unsur yang penting dalam program *Eco-Schools* adalah penekanan kepada peningkatan berterusan, iaitu keutamaan diberi kepada **proses berbanding hasilnya**.

Permohonan untuk sesuatu Anugerah

- a. Pra-syarat yang paling penting untuk permohonan adalah sekolah anda telah mengikuti Metodologi Tujuh Langkah dalam proses *Eco-Schools*.
- b. Semak senarai kriteria untuk pemerolehan anugerah dan tentukan kelayakan sekolah anda dengan jenis anugerah yang boleh dipohon.
- c. Isi Borang Permohonan Anugerah (di bawah) dan hantar borang tersebut ke WWF-Malaysia. Laporan jelas yang menunjukkan bagaimana sekolah anda memenuhi setiap kriteria dalam sesuatu kategori anugerah perlu disertakan bersama borang permohonan. Permohonan untuk anugerah Bendera Hijau memerlukan laporan yang paling terperinci.

Sebuah sekolah boleh buat permohonan untuk sesuatu anugerah bila-bila masa dalam satu tahun.

Pemprosesan Permohonan

Anugerah Gangsa dan Perak diberikan (dalam bentuk sijil) selepas laporan sekolah disemak. Penganugerahan Bendera Hijau bergantung atas penilaian laporan sekolah dan lawatan beberapa orang penilai. Laporan sekolah sepatutnya mengandungi kebanyakan maklumat yang diperlukan untuk membuat keputusan tentang penganugerahan. Tujuan lawatan penilai adalah untuk memberi peluang untuk berbincang tentang pelbagai aspek laporan sekolah dengan ahli Jawatankuasa Pemandu *Eco School*. Para penilai akan melaporkan kepada Jawatankuasa Pemandu *Eco School* – yang dipermudahkan oleh WWF-Malaysia sebagai wakil FEE di Malaysia – seterusnya satu keputusan akan dibuat berkaitan kelayakan penganugerahan sesebuah sekolah.

Pengekalan Bendera Hijau

Selepas penganugerahan sesebuah sekolah boleh paparkan Bendera Hijau – satu label-eko berprestij antarabangsa yang diiktiraf dan dihormati sebagai pencapaian sebuah sekolah – dalam foyer, dewan atau di tiang bendera. Sekolah tersebut juga akan menerima satu sijil dan juga kebenaran untuk menggunakan logo rasmi *Eco Schools* pada kepala surat dan bahan sekolah yang lain.

Anugerah Bendera Hijau ini adalah sah untuk dua tahun. Selepas dua tahun sekolah anda perlu memohon sekali lagi. Dalam permohonan yang kedua ini, sekolah anda perlu semak kriteria penganugerahan sekali lagi dan menerangkan (dalam laporan) bagaimana pencapaian lama masih dikekalkan dan juga apakah peningkatan sejak permohonan pertama.

Kerangka Masa yang Dianjurkan

Biasanya satu tahun diperlukan untuk implementasi kajian semula persekitaran dan pembinaan pelan tindakan. Satu tahun lagi diperlukan untuk mencapai sasaran yang terkandung dalam pelan tindakan. Oleh itu, sesebuah sekolah dijangka mengambil masa dua tahun untuk mencapai Bendera Hijau buat kali pertamanya.

Anda perlu buat keputusan sendiri tentang persediaan sekolah untuk memohon. Sekolah akan diberitahu tentang keputusan sebaik sahaja permohonan telah diproses. Upacara penganugerahan akan diadakan pada mesyuarat/seminar tahunan *Eco School*.

Segala pertanyaan dan untuk mendapatkan maklumat lanjut sila hubungi penyelarasan kebangsaan *Eco-School*:

Thiaga Nadeson
WWF-Malaysia
49, Jalan SS23/15
Taman SEA
47400 Petaling Jaya
Selangor, Malaysia

Tel: + 6 03 7803 3772
Fax: + 6 03 7803 5157
Email:
tnadeson@wwf.org.my

Kriteria Penganugerahan

Jawatankuasa *Eco-School*

Anugerah Gangsa

Jawatankuasa *Eco-School* terdiri daripada kumpulan pelajar dan orang dewasa

Jawatankuasa bermesyuarat sekurang-kurang dua kali setahun

Nota mesyuarat dicatat dan disimpan

Perbincangan dan tindakan Jawatankuasa diberitahu kepada pihak sekolah

Anugerah Perak

Pelajar dengan sukarela menjadi ahli Jawatankuasa *Eco-School* atau dipilih oleh ahli Jawatankuasa sendiri

Persatuan Ibu-Bapa Guru (PIBG) atau Lembaga Pengelola atau Majlis Perbandaran tempatan atau agensi kerajaan atau agensi bukan kerajaan diwakili dalam Jawatankuasa.

Jawatankuasa bermesyuarat sekurang-kurangnya tiga kali setahun

Rekod bertulis mesyuarat dan aktiviti lain disimpan di bawah tanggungjawab bersama pelajar dan orang dewasa.

Pelajar bertanggungjawab untuk berkomunikasi antara Jawatankuasa dengan seluruh sekolah.

Anugerah Bendera Hijau

Persatuan Ibu-Bapa Guru (PIBG) atau Lembaga Pengelola atau Majlis Perbandaran tempatan atau agensi kerajaan atau agensi bukan kerajaan diwakili dalam Jawatankuasa dan pelajar dengan sukarela menjadi ahli Jawatankuasa *Eco-School* atau dipilih oleh ahli Jawatankuasa sendiri

Pelajar diberi peluang untuk mencalonkan beberapa orang dewasa yang boleh menyertai Jawatankuasa.

Jawatankuasa melantik orang dewasa untuk melaksanakan tugas yang spesifik.

Jawatankuasa bermesyuarat sekurang-kurangnya empat kali setahun

Minit mesyuarat adalah dibawah tanggungjawab Jawatankuasa (pelajar dan orang dewasa)

Minit mesyuarat dipaparkan pada papan notis
Eco-School

Laporan mesyuarat dipersembahkan kepada
pengurusan sekolah, PIBG dan / atau Lembaga
Pengelola.

Pelajar dalam Jawatankuasa bertanggungjawab
untuk berbincang dan rujuk bersama rakan mereka
dan melaporkan keputusan mesyuarat
Jawatankuasa kepada seluruh sekolah.

Kajian Semula Persekitaran

Anugerah Gangsa

Kajian semula persekitaran yang formal atau tidak formal dijalankan oleh ahli Jawatankuasa

Keputusan kajian semula dibincangkan oleh Jawatankuasa

Berikutan kajian semula, aktiviti dirancang untuk meningkatkan prestasi alam sekitar sekolah

Anugerah Perak

Ahli Jawatankuasa (iaitu pelajar dan orang dewasa) merancang dan melaksanakan audit (kajian semula) persekitaran sekolah

Dokumen kajian semula (senarai semak) digunakan untuk merekodkan keputusan

Seluruh sekolah dimaklumkan tentang keputusan kajian semula

Jawatankuasa merancang tindakan spesifik hasil daripada keputusan kajian semula.

Anugerah Bendera Hijau

Ahli Jawatankuasa (iaitu pelajar dan orang dewasa) merancang dan melaksanakan audit (kajian semula) persekitaran sekolah dengan merujuk kepada beberapa ahli yang bukan daripada Jawatankuasa

Dokumen kajian semula (senarai semak) yang meliputi setiap aspek impak alam sekitar digunakan

Keputusan kajian semula dicantum dalam satu dokumen dan dipaparkan dalam papan notis *Eco School* dan / atau laman web sekolah

Pelajar mengumpul cadangan daripada rakan dan guru untuk tindakan lanjutan

Kajian semula persekitaran dijalankan setiap tahun untuk menilai perkembangan sekolah secara keseluruhan

Pelan Tindakan

Anugerah Gangsa

Jawatankuasa membuat keputusan tentang beberapa tindakan untuk sekolah berasaskan kajian semula persekitaran

Jawatankuasa bersetuju dan agihkan tanggungjawab antara mereka untuk menjalankan tindakan spesifik.

Anugerah Perak

Jawatankuasa merancang satu pelan tindakan

Pelan tindakan mempunyai sasaran spesifik dengan kerangka masa untuk menyempurnakannya.

Satu julat tindakan dirancang yang meliputi lebih dari satu aspek berkaitan pengurusan alam sekitar

Anugerah Bendera Hijau

Satu pelan tindakan yang terperinci disertakan ke dalam pelan perkembangan sekolah

Pelajar dalam Jawatankuasa bertanggungjawab untuk mengetuai beberapa tindakan

Pelan tindakan menyusun sasaran mengikut kepentingan

Pelan tindakan menunjukkan implikasi kos dan sertakan maklumat tentang bagaimana setiap aktiviti akan dipantau dan dinilai

Pemantauan dan Penilaian

Anugerah Gangsa

Jawatankuasa merekodkan perkembangan berkaitan tindakan yang diambil

Jawatankuasa membincangkan kejayaan atau kelemahan tindakan yang diambil

Anugerah Perak

Jawatankuasa menyemak perkembangan dengan sasaran yang telah ditetapkan

Jawatankuasa melaporkan perkembangan kepada seluruh sekolah secara berkala melalui kaedah yang sesuai

[kriteria disingkirkan]

Anugerah Bendera Hijau

Jawatankuasa memastikan pemantauan adalah berterusan dan beberapa aktiviti terancang dilaksanakan oleh pelajar

Kesedaran tentang perkembangan pelan tindakan wujud di seluruh sekolah dan semua diberi peluang untuk menilai keberkesanannya melalui perbincangan dan debat.

Jawatankuasa bermesyuarat untuk mengkaji perkembangan dan menganalisis data yang telah dikumpul. Jawatankuasa merancang dan membina atas kejayaan yang telah dicapai dan tindakan pemulihan diambil apabila aktiviti yang dijalankan tidak berjaya.

Data tertentu daripada latihan pemantauan digunakan untuk mengukuhkan bahan dan kerja kurikulum

Kerja Kurikulum

Anugerah Gangsa

Isu – isu alam sekitar diliputi sebagai sebahagian kerja kurikulum untuk kebanyakan tahun/tingkatan dan merentasi beberapa mata pelajaran

Anugerah Perak

Beberapa aspek aktiviti *Eco School* diintegrasikan ke dalam kurikulum sekolah untuk kebanyakan tahun/tingkatan

Anugerah Bendera Hijau

Sekolah melantik seorang guru dan seorang pelajar yang bertanggungjawab untuk pendidikan alam sekitar di sekolah.

Sekolah mempunyai peta kurikulum yang menunjukkan bagaimana pelbagai isu alam sekitar di liputi untuk semua tahun/tingkatan, untuk semua subjek

Beberapa aspek aktiviti *Eco School* diintegrasikan merentasi kurikulum ke dalam beberapa mata pelajaran bagi kebanyakan tahap

[kriteria disingkirkan]

Pemberitahuan dan Penglibatan

Anugerah Gangsa

Jawatankuasa memaparkan maklumat terperinci tentang aktiviti alam sekitar yang dijalankan pada papan notis t

Ibu- bapa mengetahui tentang tindakan yang dilaksanakan oleh sekolah

Seluruh komuniti sekolah dapat tahu tentang aktiviti alam sekitar yang dilakukan di sekolah

Anugerah Perak

Satu papan notis *Eco-School* disediakan dalam satu lokasi yang menonjol di sekolah

Seluruh sekolah diberitahu tentang aktiviti yang dijalankan melalui persembahan semasa perhimpunan

Seluruh sekolah (bukan sahaja ahli Jawatankuasa) terlibat dalam beberapa aktiviti *Eco School*

Ibu-bapa terlibat dalam aktiviti *Eco-School*

Pelajar menulis artikel tentang *Eco-Schools* untuk majalah/buletin/newsletter/laman web sekolah

Anugerah Bendera Hijau

Maklumat tentang aktiviti *Eco-Schools* dipaparkan pada papan notis di luar sekolah

Aktiviti dilaporkan pada perhimpunan atau di mesyuarat majlis perbandaran tempatan atau agensi kerajaan atau bukan kerajaan

Paparan aktiviti *Eco-School* dipamerkan kepada komuniti tempatan (contohnya di perpustakaan awam atau dewan komuniti)

Aktiviti *Eco-School* menjadi sebahagian kehidupan di sekolah dan seluruh sekolah mengambil bahagian dalam aktiviti *Eco-School*

Komuniti luas juga terlibat dalam aktiviti sekolah (contohnya ahli majlis perbandaran, bisnis tempatan, agensi bukan kerajaan dan penurus sumber kerajaan)

Satu album yang menunjukkan aktiviti *Eco School* di foyer sekolah untuk pelawat sekolah

Jawatankuasa eko menjalin hubungan kerjasama dengan sekolah-sekolah lain di peringkat kebangsaan dan sering berhubung untuk bertukar-tukar maklumat dan menjalankan projek secara bersama.

Pelajar menyumbangkan laporan tentang aktiviti yang dijalankan kepada media

Pelajar mengalakkan sekolah mereka untuk menjadi ahli program tempatan atau kebangsaan yang lain (Sekolah Lestari-Anugerah Alam Sekitar, SERASI, Sekolah Hijau dll.)

Maklumat terperinci tentang aktiviti *Eco-School* dimuat naik ke laman web sekolah

Jawatankuasa eko menjalin hubungan kerjasama dengan sekolah-sekolah lain di peringkat antarabangsa dan sering berhubung untuk bertukar-tukar maklumat dan menjalankan projek secara bersama.

Kod Eko

Anugerah Gangsa

Ada persetujuan tentang beberapa kenyataan tentang alam sekitar yang di utarakan oleh Jawatankuasa.

Anugerah Perak

Jawatankuasa mereka satu Kod Eko untuk persetujuan sekolah

Maklum balas komuniti sekolah terhadap Kod Eko di pertimbangkan untuk penerimaan

Anugerah Bendera Hijau

Seluruh sekolah diberi peluang untuk mencadangkan apa yang perlu disertakan ke dalam Kod Eko

[kriteria disingkirkan]

Kod Eko dipaparkan pada papan notis *Eco School* dan di semua bilik darjah. Ia juga dipamerkan pada papan notis diluar sekolah dan di laman web sekolah

Kod Eko dikaji semula oleh seluruh sekolah setiap tahun untuk memastikan kerelevannya

Borang Permohonan Anugerah

Nama Sekolah :

Alamat :

Tel:

Fax:

Emel:

Selepas mempertimbangkan kriteria untuk setiap satu langkah bagi Metodologi Tujuh Langkah dalam proses *Eco-Schools* kami ingin mencalonkan sekolah kami untuk anugerah *Eco-Schools* yang berikut

Anugerah Gangsa*

Anugerah Perak*

Bendera Hijau**

Pengetua/Guru Besar Sekolah :

Tandatangan:

Nama: _____

Pengerusi Jawatankuasa *Eco-School*

Tandatangan:

Nama: _____

Tarikh Penyerahan:

Hantar permohonan anda kepada :

**Eco-School Award Application
WWF-Malaysia
49, Jalan SS23/15
Taman SEA
47400 Petaling Jaya
Selangor**

*Satu laporan ringkas yang menerangkan perkembangan sekolah anda mengikut Metodologi Tujuh Langkah dalam proses *Eco School* perlu disertakan bersama permohonan untuk Anugerah Gangsa Dan Perak. Laporan ini perlu mengikut panduan yang diberikan dalam beberapa muka surat berikut yang disertakan bersama borang permohonan ini.

** Satu laporan terperinci yang mengutamakan perkembangan sekolah anda mengikut Metodologi Tujuh Langkah dalam proses *Eco School* perlu disertakan bersama permohonan untuk Anugerah Bendera Hijau. Laporan ini perlu mengikut panduan yang diberikan dalam beberapa muka surat berikut yang disertakan bersama borang permohonan ini.

Sebaik sahaja permohonan anda diproses, kami akan menghubungi anda untuk mengaturkan satu lawatan tapak bagi menilai kelayakan sekolah anda menerima anugerah yang dipohon.

Permohonan bagi Anugerah Gangsa

Panduan Menulis Laporan

Tujuan laporan ini adalah untuk memberi para penilai idea yang jelas tentang pengalaman *Eco School* sekolah anda. Anda dinasihati untuk menyediakan satu portfolio berasaskan soalan berikut. Laporan ini tidak perlu terperinci seperti laporan untuk Anugerah Bendera Hijau. Namun, laporan ini perlu memberi indikator jelas tentang sejauh manakah sekolah anda telah memenuhi kriteria bagi Anugerah Gangsa yang telah di nyatakan dalam muka surat 3 -9 dalam Helaian 9. Anda juga boleh sertakan gambar foto, lukisan, dokumen, keratan akhbar dll. untuk memberi maklumat lebih tentang pengalaman sekolah anda.

- 1. Siapakah ahli Jawatankuasa *Eco-School* ? Bagaimanakah mereka dipilih? Bagaimanakah Jawatankuasa ini berfungsi? Berapa kerap ke perjumpaan mereka?**
- 2. Bagaimanakah anda menjalankan kajian semula persekitaran? Siapakah yang menjalankan kajian semula ini? (Sertakan salinan senarai semak kajian semula)**
- 3. Bagaimanakah kompilasi Pelan Tindakan? Bagaimanakah aktiviti dipilih? Berapa banyak pelan ini telah dicapai?**
- 4. Bagaimanakah pemantauan dan penilaian aktiviti dijalankan?**
- 5. Bagaimanakah program *Eco School* diintegrasikan ke dalam kurikulum? Kumpulan pelajar yang manakah bermanfaat daripada integrasi ini. Berapa ramai pelajar terlibat dalam aktiviti kurikulum ini?**
- 6. Bagaimanakah komuniti seluruh sekolah dan ibu-bapa dimaklumkan tentang program *Eco School* dan bagaimanakah mereka terlibat?**
- 7. Apakah kenyataan tentang alam sekitar yang telah ditentukan untuk sekolah ?**
- 8. Apakah rancangan sekolah untuk aktiviti *Eco-School* selanjutnya?**
- 9. Bagaimana kah sekolah anda telah bermanfaat daripada pengalaman *Eco-School***

Permohonan bagi Anugerah Perak

Panduan Menulis Laporan

Tujuan laporan ini adalah untuk memberi para penilai idea yang jelas tentang pengalaman *Eco School* sekolah anda. Anda dinasihati untuk menyediakan satu portfolio berasaskan soalan berikut. Laporan ini tidak perlu terperinci seperti laporan untuk Anugerah Bendera Hijau. Namun, laporan ini perlu memberi indikator jelas tentang sejauh manakah sekolah anda telah memenuhi kriteria bagi Anugerah Gangsa yang telah di nyatakan dalam muka surat 3 -9 dalam Helaian 9. Anda juga boleh sertakan gambar foto, lukisan, dokumen, keratan akhbar dll. untuk memberi maklumat lebih tentang pengalaman sekolah anda.

- 1. Siapakah ahli Jawatankuasa *Eco-School* ? Bagaimanakah mereka dipilih? Bagaimanakah Jawatankuasa ini berfungsi? Berapa kerap ke perjumpaan mereka?**
- 2. Bagaimanakah anda menjalankan kajian semula persekitaran? Siapakah yang menjalankan kajian semula ini? (Sertakan salinan senarai semak kajian semula)**
- 3. Bagaimanakah kompilasi Pelan Tindakan? Bagaimanakah aktiviti dipilih? Berapa banyak pelan ini telah dicapai?**
- 4. Bagaimanakah pemantauan dan penilaian aktiviti dijalankan?**
- 5. Bagaimanakah program *Eco School* diintegrasikan ke dalam kurikulum? Kumpulan pelajar yang manakah bermanfaat daripada integrasi ini. Berapa ramai pelajar terlibat dalam aktiviti kurikulum ini?**
- 6. Bagaimanakah komuniti seluruh sekolah dan ibu-bapa dimaklumkan tentang program *Eco School* dan bagaimanakah mereka terlibat?**
- 7. Apakah kod eko yang direka untuk sekolah? Bagaimanakh kod eko ini di reka?**
- 8. Apakah rancangan sekolah untuk aktiviti *Eco-School* selanjutnya?**
- 9. Bagaimana kah sekolah anda telah bermanfaat daripada pengalaman *Eco-School***

Permohonan bagi Anugerah Bendera Hijau

Panduan Menulis Laporan

Tujuan laporan ini adalah untuk memberi para penilai idea yang jelas tentang pengalaman *Eco School* sekolah anda. Anda dinasihati untuk menyediakan satu portfolio berasaskan soalan berikut. Cuba menjawab semua soalan dengan seberapa lengkap yang boleh. Panjang laporan tidak penting. Anda juga boleh sertakan gambar foto, lukisan, dokumen, keratan akhbar dll. untuk memberi maklumat lebih tentang pengalaman sekolah anda. Sekiranya ini adalah permohonan semula untuk Bendera Hijau (selepas dua tahun) sila memastikan bagaimana kejayaan lepas dikekalkan dan bagaimana kejayaan baru dicapai.

- 1. Siapakah ahli Jawatankuasa *Eco-School* ? Bagaimanakah mereka dipilih? Bagaimanakah Jawatankuasa ini berfungsi? Berapa kerap ke perjumpaan mereka?**
- 2. Bagaimanakah anda menjalankan kajian semula persekitaran? Siapakah yang menjalankan kajian semula ini? (Sertakan salinan senarai semak kajian semula)**
- 3. Bagaimanakah kompilasi Pelan Tindakan? Bagaimanakah aktiviti dipilih? Berapa banyak pelan ini telah dicapai?**
- 4. Bagaimanakah pemantauan dan penilaian perkembangan terhadap pelan Tindakan aktiviti dijalankan? (sertakan data/keputusan spesifik)**
- 5. Bagaimanakah program *Eco School* diintegrasikan ke dalam kurikulum? Kumpulan pelajar yang manakah bermanfaat daripada integrasi ini. Berapa ramai pelajar terlibat dalam aktiviti kurikulum ini?**
- 6. Bagaimanakah komuniti seluruh sekolah dan ibu-bapa dimaklumkan tentang program *Eco School* dan bagaimanakah mereka terlibat?**
- 7. Bagaimanakah komuniti luas dimaklumkan tentang program *Eco School* dan bagaimanakah mereka terlibat?**
- 8. Apakah kod eko yang direka untuk sekolah? Bagaimanakh kod eko ini di reka?**
- 9. Apakah rancangan sekolah untuk aktiviti *Eco-School* selanjutnya?**
- 10. Bagaimana kah sekolah anda telah bermanfaat daripada pengalaman *Eco-School***

Segala pertanyaan dan untuk mendapatkan maklumat lanjut sila hubungi penyelaras kebangsaan *Eco-School*:

Thiaga Nadeson
WWF-Malaysia
49, Jalan SS23/15
Taman SEA
47400 Petaling Jaya
Selangor, Malaysia

Tel: + 6 03 7803 3772
Fax: + 6 03 7803 5157
Email:
tnadeson@wwf.org.my
